

Jurnal Melayu
Bil. 16(1) 2017

TUN SERI LANANG: DARI ISTANA BATU SAWAR KE NAGGAROE ACHEH DARUSSALAM

JOHARI TALIB

Unitar International University
johari_talib@unitar.my

MAHARAM MAMAT

Universiti Kebangsaan Malaysia
maharam@ukm.edu.my

MAZNAH IBRAHIM

Universiti Kebangsaan Malaysia
maznah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Tun Seri Lanang adalah seorang ahli politik dan pujangga ternama yang berasal dari istana Johor di Batu Sawar. Pada tahun 1613, Tun Seri Lanang telah di tawan oleh bala tentera Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dari Aceh, kemudian dibawa ke Aceh bersama-sama Sultan Alauddin Riayat Shah III dan adindanya Raja Abdullah. Sumber sejarah di Tanah Melayu menganggap Tun Seri Lanang meninggal dunia di Aceh. Peranannya selepas ditawan dan dibawa ke Aceh tidak banyak diperkatakan. Sungguh pun begitu, sumber-sumber sejarah dari Aceh menunjukkan bahawa Tun Seri Lanang tidak dipenjarakan atau meninggal dunia di dalam penjara, sebaliknya beliau telah dilantik menjadi Raja Samarlanga. Beliau juga dilantik menjadi penasihat kepada paduka Sultan Mahkota Alam dan dua orang penggantinya. Beliau mungkin telah diselamatkan atas pengaruh Raja Puteri Kamaliah, iaitu puteri Pahang yang telah dikahwini Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang kemudiannya menjadi permaisuri Aceh. Artikel ini merupakan laporan penyelidikan mengenai kehidupan dan sumbangan Tun Seri Lanang semasa di Aceh. Pada masa ini Tun Seri Lanang menjadi tokoh kepada tiga buah negara iaitu Malaysia, Singapura dan Naggaroe Aceh Darussalam.

Kata kunci: Tun Sri Lanang, Sejarah Aceh, Melaka, Melayu-Kling, Batu Sawar

TUN SERI LANANG: FROM BATU SAWAR PALACE TO NAGGAROE ACHEH DARUSSALAM

ABSTRACT

Tun Seri Lanang was a notable politician and writer originated from the Palace of Johor in Batu Sawar. In 1613, Tun Seri Lanang was abducted by Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam of Aceh's army, he was brought later to Aceh along with Sultan Alauddin Riayat Shah III and his brother Raja Abdullah. Historical sources in Malaya had assumed that, Tun Seri Lanang had died in Aceh. However, his major role after being captured and brought to Aceh had not been emphasized. Nevertheless, history resources of Aceh had indicated that Tun Seri Lanang was

not imprisoned or died in prison, instead; he was appointed as King of Samarlanga. He was also granted position as Advisor to the Paduka Sultan Mahkota Alam and his two substitutes. Tun Sri Lanang might had been saved due to the influence of Raja Puteri Kamaliah. She was namely as the Pahang Princess who married Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, and later became the Queen of Aceh. This review article is written as a research report about the life and contributions of Tun Seri Lanang while he was living in Aceh. This is to illustrate the monumental moments of Tun Seri Lanang who was once became an outstanding figure to three countries, namely Malaysia, Singapore and Naggaroe Aceh Darussalam.

Keywords: Tun Sri Lanang, Aceh History, Malacca, Malay-Kling, Batu Sawar

LATAR BELAKANG

Tun Seri Lanang yang terkenal sebagai pujangga Melayu lahir di Seluyut, Johor pada tahun 1565. Pada masa itu Kesultanan Johor yang mewarisi Kesultanan Melaka berpusat di Batu Sawar. Tun Seri Lanang adalah keturunan Bendahara Melaka yakni melalui Tun Tahir, adik kepada Bendahara Tun Mutahir, Melaka. Susur galur keturunan Tun Seri Lanang adalah keturunan Melayu-Kling seperti dirumuskan dalam *Sejarah Melayu* naskah Shellabear (1967), “Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Nara Di Raja Tun Ali, anak baginda Mani Purindam qaddasallaahu-Sirrahum, Melayu bangsanya dari Bukit Seguntang Mahameru, Malakat negerinya, Batu Sawar daru’l-salam,” (hlm. 2).

Huraian ini menjelaskan Tun Seri Lanang adalah kelahiran bangsawan istana dan berkait rapat dengan keturunan kerabat di raja Melaka. Bonda Tun Seri Lanang bernama Tun Genggang binti Tun Jenal bin Tun Mat Ali bin Tun Hasan Temenggung bin Tun Mutahir bin Tun Ali bin Mani Purindam. Sebelah bapanya juga masih berkerabat susur galurnya dengan keturunan Mani Purindam iaitu Tun Seri Lanang bin Tun Ahmad bin Tun Isap bin Tun Ali bin Mani Purindam (Pucot Haslinda, 2008). Berdasarkan susur galur daripada kedua-dua belah ibu bapanya, jelas menunjukkan bahawa kedua ibu dan bapa Tun Seri Lanang bersaudara dan mempunyai darah keturunan Kling sebelah Mani Purindam.

Siapakah Mani Purindam? Mani Purindam atau nama lainnya adalah Sheikh Amir Badaruddin atau Sheikh Matraludin. Mani Purindam merupakan putera kedua kepada Sultan Pahili (Gujarat) dari benua Kling bernama Raja Nizamul Muluk Akbar Syah yang memerintah sekitar tahun-tahun 1335-1388 (Teuku Syahbuddin Razi, 1991). Asal-usul Mani Purindam disebut dalam *Sulalas-Sulatin* suntingan A. Samad Ahmad (2003) seperti berikut, “Alkisah maka tersebutlah perkataan ada sebuah negeri di benua Kling, Pahili namanya, Nizamul Muluk Akbar Shah nama rajanya, ada pun raja itu Islam dalam agama Nabi Muhammad SAW, maka baginda beranak tiga orang, dua lelaki dan seorang perempuan, yang tua Mani Purindam namanya, dan yang tengah, Raja Akbar Muluk Shah namanya, dan yang perempuan Damia Seri Wandhi namanya,” (hlm. 80).

Mani Purindam telah mengembara dan berdagang ke Pasai (Pase) dan Melaka serta mengembangkan zuriatnya di kedua-dua tempat itu. Dalam perjalanan ke Pasai, kapalnya telah mengalami kerosakan di Sungai Jambu Air. Di sana beliau telah menikahi Puteri Candan Dewi, iaitu puteri kepada Sultan Muhammad Said Malikus-Zahir yang merupakan Sultan Samudera-

Pasai ke 6. Perkahwinan Mani Purindam dengan Puteri Candan Dewi melahirkan keturunan yang berkerabat dengan Kesultanan Deli dan Serdang (Teuku Syahbuddin Razi, 1991).

Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1967) menyebut bahawa Mani Purindam telah datang ke Melaka sebagai pedagang permata dengan tujuh buah kapal dagang beserta pengawal. Beliau telah disambut dengan baik oleh Sultan Muhammad Shah (1424-1444). Di Melaka pula, Mani Purindam telah berkahwin dengan puteri bangsawan Aceh bernama Tun Ratna Sendari. Perkahwinan ini melahirkan dua orang cahaya mata iaitu Tun Ratnawati dan Tun Ali. Tun Ratnawati telah berkahwin pula dengan Sultan Muhammad Shah dan dari perkahwinan ini mereka mendapat seorang putera bernama Raja Kassim yang menjadi Sultan Melaka Ke-5 bergelar Sultan Mudzaffar Shah yang menggantikan abangnya Raja Ibrahim (Seri Parameswara Dewa Shah). Sultan Mudzaffar Shah memulakan keturunan Melayu-Kling bagi kerabat raja-raja Melayu di Melaka, Johor dan Perak. Jelasnya, pada abad ke 15 lagi telah berlaku ikatan perkahwinan campur antara bangsawan Melayu dengan pedagang, pengembang agama Islam dan bangsawan dari luar seperti dari benua Kling dan mungkin juga dari Semenanjung Arab. Toleransi dari segi perkahwinan yang berasaskan kahwin sama agama membentuk keturunan kacukan yang merupakan fenomena biasa di Melaka hingga ke hari ini.

Perkahwinan golongan bangsawan Melayu dengan Kling turut memulakan persaingan kuasa politik antara orang Melayu dengan Kling atau Tamil-Muslim. Ia sampai kepada kemuncaknya apabila Sultan Muhammad Shah mangkat pada tahun 1444. Bendahara Seri Wak Raja dan kerabat di raja Melayu yang lain telah melantik Raja Ibrahim sebagai sultan Melaka ke empat, tetapi kerabat Kling mahukan putera kedua iaitu Raja Kassim yang berketurunan Kling di sebelah ibunya menjadi raja dengan alasan Raja Ibrahim mula mengembalikan pengaruh Hindu di dalam istana. Apabila dilantik menjadi sultan, ternyata Raja Ibrahim menggelarkan dirinya dengan nama Hindu iaitu Seri Parameswara Dewa Shah.

Dalam pertelingkahan Melayu-Kling tersebut, Raja Ibrahim telah ditikam hingga maut. Bendahara Seri Wak Raja kecewa dengan keadaan itu kerana pewaris keturunan Melayu telah mangkat dan ini menandakan permulaan pemantapan kuasa Kling di Melaka yang turut memberi kesan kepada penguasaan perdagangan, politik dan sosial di Melaka dan empayarnya. Bagi meredakan suasana politik yang tegang, Sultan Mudzaffar Shah telah mengahwini Tun Kudu, iaitu puteri kepada Bendahara Seri Wak Raja yang telah meninggal dunia kerana diracun orang. Seterusnya, untuk mengelakkan berlaku perang saudara dan perpecahan empayar yang luas, sultan telah mengarahkan bapa saudaranya, Bendahara Tun Ali meletakkan jawatan yang kemudiannya diganti oleh kekanda Tun Kudu iaitu Tun Perak sebagai bendahara Melaka baharu. Langkah bijak sultan telah menyebabkan konflik politik Melayu-Kling menjadi reda. Lagi pun Tun Perak adalah seorang yang berkalibar sebagai pemimpin, penasihat raja dan panglima perang.

Perlibatan golongan Kling dalam politik, ekonomi dan sosial Kesultanan Melayu Melaka berlarutan dan amat aktif melibatkan tokoh-tokoh lain seperti Nina Chatu, Nina Sura dan Raja Mudaliar hinggalah kepada kejatuhan Melaka ke tangan Portugis Pada tahun 1511. Tun Perak meninggal dunia pada tahun 1498 dan telah berjaya meluaskan lagi empayar Melaka di samping mengawal keseimbangan kuasa antara Melayu-Kling. Jawatan bendahara diganti oleh adiknya Tun Puteh tetapi hanya dalam masa singkat sahaja. Apabila beliau meninggal dunia, jawatan bendahara jatuh semula ke tangan bendahara keturunan Kling, iaitu Tun Muthair. Penguasaan Tun Muthair dalam pentadbiran Melaka menyebabkan perdagangan Melaka hampir di monopoli oleh golongan pedagang Kling. Pada tahun 1509 Laksamana Diego Lopez De Sequeira tiba di pelabuhan Melaka dan kedatangannya menandakan satu perubahan besar bagi

empayar Melaka dan kawasan berdekatan dengannya. Kerajaan Melayu Melaka runtuh pada tahun 1511 dan Sultan Mahmud Shah iaitu sultan Melaka terakhir telah berundur ke Muar, selepas itu ke Batu Sawar. Turut serta dalam pengunduran tersebut ialah ayahanda Tun Seri Lanang iaitu Bendahara Paduka Raja Tun Ahmad.

PERANG TIGASEGI: JOHOR, PORTUGIS, ACHEH

Perang tiga segi antara Portugis di Melaka, Johor dan Aceh berlaku sebaik sahaja Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511. Perang ini berlaku kerana ketiga-tiga pihak berkenaan mempunyai kepentingan yang sama iaitu mahu menguasai Selat Melaka yang merupakan jalan perdagangan yang sangat penting antara timur dengan barat dan menyambungkan benua Eropah dengan Asia.

Di Asia, Selat Melaka merupakan jalan perdagangan yang menghubungkan Semenanjung Arab, benua Kling dan China. Sebelum kemunculan Melaka lagi Selat Melaka telah menjadi tunjang asas kepada kekuatan Aceh dan negeri-negeri lain di pesisir Sumatera seperti Haru, Pedir, Perlak dan Pasai. Penguasaan terhadap Selat Melaka adalah penentu kepada kekuatan ekonomi negeri-negeri berkenaan. Berdasarkan alasan itulah juga memaksa Sultan Melaka memeluk Islam dan mengahwini puteri Perlak pada tahun 1414. Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis, percaturan terhadap penguasaan Selat Melaka menjadi sangat sengit kerana melibatkan kuasa Barat yang beragama Kristian iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris.

Sebelumnya, kuasa-kuasa Melayu dapat menyelesaikan masalah persaingan kuasa melalui tolak ansur berdasarkan perpaduan agama serta keturunan, yakni agama Islam dan juga melalui perkahwinan politik. Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, Sultan Mahmud Shah telah berundur ke Muar dan selepas itu ke Bentan. Persaingan merebut kepentingan di Selat Melaka bertambah sengit kerana melibatkan usaha Sultan Melaka untuk mengembalikan kekuasaannya di Melaka. Apabila usaha tersebut gagal, baginda telah menubuhkan kerajaan Johor di Batu Sawar yang merupakan kubu bagi membuat persediaan menyerang Melaka dan mengembalikan semula kegemilangan kerajaan Melaka.

Dalam usaha mengembalikan kegemilangan Kesultanan Melaka ini, baginda sultan telah menyerang semula Melaka secara bertubi-tubi, tetapi masih juga gagal. Baginda mangkat pada tahun 1528 dan digantikan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah I. Berikutan dengan kegagalan untuk menguasai Melaka semula itu, baginda telah berundur ke Pekan Tua di hulu Sungai Johor dan menjadi keturunan kesultanan Melaka pertama yang berusaha menubuhkan kerajaan baru di Johor. Selama dua dekad berikutnya, Kerajaan Johor cuba membangunkan empayarnya di sekitar Johor dan Kepulauan Riau. Pembukaan kerajaan Johor adalah untuk mengembalikan kegemilangan orang Melayu sebagai warisan kegemilangan kerajaan Melayu Melaka. Sultan Mahmud Shah telah cuba merampas semula Melaka dari tangan Portugis pada tahun 1525 tetapi gagal dan sebagai balasan terhadap serangan ini, Portugis telah menyerang Bentan pada tahun 1526.

Portugis terus menyerang Johor pada tahun-tahun 1518, 1520, 1521, 1524, 1536 dan 1587 untuk memantapkan kawalan perdagangan di Selat Melaka dan kawasan sekitarnya yang kaya dengan rempah ratus. Kerajaan Johor yang ditubuhkan itu pula tidaklah sehebat kerajaan Melayu Melaka, tetapi masih mampu membina empayar dengan menguasai Sungai Kelang, Kuala Linggi, Sungai Siak, Kampar, Bengkalis, Ungara, Karimon, Bentan, Lingga, Temasek, Batu Pahat dan Muar. Serangan Johor ke atas Melaka sentiasa dilakukan, termasuk semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah II. Serangan ini dilakukan serentak dengan bantuan

abangnya, Sultan Mudzaffar Shah dari Perak. Peperangan Johor-Portugis pada masa itu bertujuan mengembalikan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Bagi Aceh pula, serangan-serangan yang dilakukannya terhadap Melaka dan Johor mempunyai matlamat yang sama dengan Portugis iaitu untuk menguasai perdagangan di Selat Melaka. Siri peperangan antara Johor, Portugis dan Aceh ini mengambil masa hampir lapan puluh tahun.

Semasa perang tiga segi Johor-Portugis-Acheh sedang sengit berlaku, Belanda juga turut memainkan peranan untuk mencari pengaruh dan jika boleh, turut mahu menguasai perdagangan di Selat Melaka. Bagi mengurangkan pengaruh Portugis dan Belanda, pada awal abad ke 17, Aceh telah menguasai Aru (Deli), Batu Bara, Gasip (Siak), Inderagiri dan berusaha untuk menguasai Johor yang tersepit di tengah himpitan dua kuasa Barat tersebut.

Pada 16 Oktober 1610, Sultan Johor bersetuju menandatangani perjanjian persefahaman dengan Portugis setelah menyedari kelemahan kedudukan tentera Johor. Lagi pun, Sultan Alauddin Riayat Shah III yang memerintah Johor pada ketika itu merupakan seorang yang lemah seperti digambarkan seorang penulis Belanda bernama Valentijn, iaitu “baginda suka minum-minum dan main perempuan, bersenang-senang dan urusan negara dikendali adiknya sanak ibu Sultan Mudzaffar Shah, Raja Abdullah (Muhammad Said, 1967: 149). Sungguh pun begitu, Muhammad Said (1967) berpendapat bahawa maklumat tersebut tidak sesuai dan lebih merupakan tohmah Belanda untuk memperkecilkan orang Melayu. Kerajaan Johor pada masa itu berada di Batu Sawar yang sedang membangun pesat, penduduknya ramai dan perniagaan juga maju. Matelief bagi pihak Belanda pula telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Johor pada tahun 1607, dengan dua isi penting perjanjian itu ialah, (i) menyampaikan jasa baik agar Johor jangan diserang Aceh, dan (ii) jika sekiranya Aceh menyerang Johor, Belanda akan membantu. Adakah kedua-dua kuasa Barat ini mengotakan isi perjanjian persefahaman tersebut?

Pada 6 Jun 1613 merupakan tarikh penting dalam sejarah Johor apabila Sultan Aceh iaitu Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam menyerang Batu Sawar, hulu Sungai Johor pada subuh hari dengan angkatan tentera yang besar. Persediaan bagi menyerang Johor ini memakan masa yang lama. Mahkota Alam benar-benar bersedia dengan angkatan perang yang besar. Muhammad Said (1967) merumuskan, “Iskandar Muda dengan rombongannya yang besar menuju Johor, yang didahului dengan kesibukan di ibu kota untuk menyiapkan sejumlah besar kapal perang dan pengangkut. Dari bahagian ini dapat dimaklumkan bahawa perajurit tambahan disinggahi dalam perjalanan, diantaranya Pedir, Meuredu, Malanga, Blang Juleue, Pensangan, Lho Sumawe, Kuala Pase dan Jambu Aye. Dari Marueh telah dibawa seorang hulubalang bernama Malim Dagang (hlm. 149)”.

Tentera Johor gagal mempertahankan serangan kerana jumlah tentera Aceh terlalu besar berbanding tentera Johor. Kota Batu Sawar dikepung selama dua puluh hari diketuai Orangkaya Rajalelawangsa dan Orangkaya Seri Maharaja. Tentera dan perajurit Johor cuba bertahan dengan jumlah yang kecil iaitu 4,000 orang sahaja, berbanding dengan tentera Aceh berjumlah 10 kali ganda (Muhammad Said, 1967). Pada ketika ini, Mahkota Alam benar-benar bersedia untuk merampas Johor, dan seperti yang dijangka, Portugis dan Belanda langsung tidak memberikan sebarang bantuan terhadap peristiwa itu. Sultan Alauddin Riayat Shah III, adiknya Raja Abdullah, beberapa pembesar Johor dan Tun Sri Lanang akhirnya telah ditawan dan dibawa ke Aceh (Muhammad Said, 1967). Sumber-sumber sejarah yang ditulis di Tanah Melayu berkaitan Tun Seri Lanang selepas di tawan oleh Aceh tidak menceritakan dengan jelas peristiwa berkenaan (Winstedt, 1973; Buyong Adil, 1979), tetapi, sumber sejarah dari Aceh

menyatakan bahawa Tun Seri Lanang sebenarnya telah menyumbang bakti yang besar ertinya kepada Naggaroe Aceh Darussalam.

PERANTAUAN KE ACHEH

Hubungan dingin antara Aceh dan Johor berlaku disebabkan persaingan untuk menguasai perdagangan di Selat Melaka. Hubungan Johor-Portugis dan kemudiannya Belanda yang berhasrat mencari tapak pengaruh di Tanah Melayu sangat tidak disenangi oleh Mahkota Alam. Baginda membuat persediaan untuk menyerang Johor dengan melakukan serangan dan menakluki negeri-negeri lain di Sumatra yang menerima pengaruh Portugis seperti Aru, Batubara dan Perlak.

Semasa Aceh menyerang Batu Sawar, Mahkota Alam telah menitahkan supaya kerabat diRaja Johor dan Pahang ditawan serta dibawa pulang ke Aceh. Antara yang ditawan ialah Sultan Johor sendiri iaitu Sultan Alauddin Riayat Shah III, adindanya Raja Abdullah dan pembesar-pembesar Johor-Pahang termasuk, Datok Bendahara Paduka Tun Seri Lanang, Raja Hussain dan Raja Puteri Kamaliah. Raja Puteri Kamaliah dan Raja Hussain adalah berasal dari istana Pahang (Muhammad Adli, 2010). Bukti sejarah dari istana Aceh dalam bentuk sarakata telah menghuraikan peristiwa itu seperti berikut,

Sarakata-sarakata itu tadinya disusun oleh ulamak-ulamak yang menjadi penasihat sultan. Sutar keputusan di bawah ini yang salinannya dikeluarkan oleh sultanah al Alam Safiyat alDin Syih – diterbitkan pada tahun 1022H, bersamaan dengan tahun 1613M dan dengan demikian sarakata itu telah ditetapkan pada tahun keenam pemerintahan sultan Iskandarmuda. Pada tahun tersebut Johor ditaklukkan oleh sultan Iskandarmuda dan dalam bulan Juni 1613. Setelah kota itu dihancurkan – telah dibawa ke Aceh al Sultan Johor dan Raja Abdullah yang lebih dikenal dengan raja Sabrang. Menurut sarakata ini yang nampaknya pada kertas perkanon – ternyata bahwa kepada seorang besar kerajaan bernama Datuk Bahra, seorang raja besar kemungkinan berasal dari Melaka y.i. seorang ternama dari seberang yang telah dihadihkan daerah Samar Lenga yang sekarang merupakan kenegerian Samarlanga. (Tichelman, 1997: 7)

Sarakata ini menjelaskan kedudukan sebenar apa yang terjadi kepada tiga orang kerabat diRaja Johor iaitu Sultan Alauddin Riayat III, Raja Abdullah dan Tun Seri Lanang, tanpa menyebut tentang Puteri Kamaliah dan Raja Hussain yang menjadi anak angkat dan menantu Mahkota Alam. Raja Hussain kemudiannya digelar Iskandar Thani, tetapi menurut kajian Muhammad Said (1967), Raja Abdullah juga di panggil Raja Bongsu, Raja Sebrang atau Raja Radin. Turut ditawan ialah adik ipar sultan iaitu Raja Siak yang pada masa itu berada di Batu Sawar.

Pasukan Aceh dan tawanannya tiba di Banda Aceh pada bulan Julai 1613 dan diberi sambutan hangat. Para tawanan telah dibicarakan dan berkesudahan dengan diberikan pengampunan oleh Mahkota Alam. Raja Abdullah diberi peluang untuk pulang ke Batu Sawar dengan alasan baginda tidak pro-Portugis. Kedua Raja Abdullah ini bersetuju menerima pengawasan Aceh. Baginda juga telah diikat melalui hubungan kekeluargaan dengan mengahwini adinda kepada Mahkota Alam, iaitu Puteri Jamilah. Raja Abdullah kembali ke Batu Sawar dengan 2000 orang pengiring diketuai oleh Orangkaya Raja Lelawangsa

(Muhammad Said, 1967). Batu Sawar kemudiannya telah dibangunkan semula dengan bantuan orang Aceh. Sungguh pun begitu, hubungan antara Raja Abdullah dan Mahkota Alam menjadi dingin semasa kedua-dua mereka merancang untuk menyerang Portugis di Melaka pada tahun 1615. Usaha tersebut tidak berjaya kerana Portugis baru sahaja menerima sepuluh buah kapal perang (Muhammad Djunos Djamil, 2009). Raja Abdullah kemudiannya telah menghantar Puteri Jamilah pulang ke Aceh serta menceraikannya. Mahkota Alam sangat murka dengan peristiwa itu, lantas menyerang Batu Sawar bagi kali kedua. Raja Abdullah melarikan diri dan cuba mendapatkan perlindungan di Lingga, tetapi baginda telah mangkat di Pulau Tembelan pada tahun 1623 (Buyung Adil, 1972).

Apabila Mahkota Alam mangkat pada tahun 1637, baginda tidak meninggalkan waris lelaki. Perkahwinan Mahkota Alam hanya dikurniakan beberapa orang puteri termasuk perkahwinan baginda dengan Raja Puteri Kamaliah. Puteri sulong baginda bernama Teuku Safiatuddin telah dikahwinkan dengan Raja Hussain atau Iskandar Thani. Para pembesar Aceh telah bersetuju melantik Raja Husain sebagai Sultan Aceh yang baru bergelar Sultan Iskandar Thani. Inilah yang uniknya masyarakat Aceh, mereka sanggup menerima orang bukan dari kerabat asal sebagai pemimpin asalkan mereka berketurunan Melayu, Islam dan mempunyai wibawa. Sebelum Iskandar Thani, seorang putera dari Perak juga pernah dirajakan di Pasai (Pucot Haslinda, 2008).

Raja Puteri Kamaliah berasal dari Pahang, disebut sebagai Putroe Phang di Aceh dan menjadi tokoh penting dalam sejarah Aceh. Setibanya di Banda Aceh, Raja Puteri Kamaliah telah dikahwini oleh Mahkota Alam sebagai isteri ketiga baginda. Mahkota Alam sangat menyayangi Raja Puteri Kamaliah hingga sanggup menceraikan isteri pertama bagi memberi laluan Raja Puteri Kamaliah menjadi permaisuri Aceh. Menurut Buyung Adil (1972) perkara ini bermula dengan rentetan peristiwa kerjasama Sultan Alauddin Riayat Shah III dengan Portugis di Melaka bagi merajakan anakanda baginda Raja Bujang di Pahang. Sebagai balasan daripada tindakan Sultan Alauddin Riayat Shah III itu, Aceh telah menyerang Johor pada tahun yang sama, seterusnya Mahkota Alam telah menyerang Pahang pada tahun 1617 dan menawan kerabat diraja Pahang serta membawa mereka ke Aceh. Turut ditawan ialah Raja Puteri Kamaliah atau di Aceh Raja Puteri Kamaliah dikenal sebagai Putroe Phang. Tindakan menyerang, menawan dan membawa tawanan pulang ke Aceh adalah tindakan biasa bagi Mahkota Alam. Walau bagaimanapun, sumber sejarah ini tidak sama dengan sumber yang diketengahkan oleh Muhammad Adli Abdullah (2010) yang mengatakan bahawa Putroe Phang ditawan bersama-sama Tun Seri Lanang pada tahun 1613.

Penawanan kerabat di Raja Johor dan Pahang dilakukan serentak dengan usaha Mahkota Alam menggalakkan penduduk dari jajahan takluknya berpindah ke Aceh kerana Aceh sedang mengalami kekurangan penduduk kesan daripada kerapnya peperangan dengan Portugis di Melaka, Johor dan negeri-negeri Melayu di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Bagi mengisi kekosongan itu, penduduk dari Sumatera Barat, Kedah, Pahang, Johor, Melaka, Perak dan Deli digalakkan berpindah ke Aceh. Linehan (1973) menerangkan keadaan tersebut seperti berikut, "*The king of Pahang running into the train of the king of Aceh like a common person, he the ruler of Aceh had conquered Pahang and carried off more than ten thousand of its inhabitants to Aceh*" (hlm. 36). Tiada siapa dapat membayangkan bagaimana keadaan rakyat Pahang seramai itu dipaksa berpindah ke negeri lain dengan perjalanan dan pengangkutan yang amat sukar, termasuk berjalan kaki serta menaiki perahu selama berminggu-minggu. Korban bagi penghijrahan ini juga besar kerana kekurangan keperluan asas dan perjalanan jauh terutama

apabila melibatkan kanak-kanak dan golongan wanita. Menurut Linehan (1973) lagi, Kepten Best yang melawat Aceh pada awal tahun 1600 menggambarkan keadaan seperti berikut,

The whole territory of Aceh was almost depopulated by war, execution, and oppression. The king endeavoured to repeople the country by his conquests. Having ravaged the kingdoms of Johor, Pahang, Kedah, Perak and Deli, he transported the inhabitants from those place to Aceh to the number of twenty thousands person. But this barbarous policy did not produce the effect he hoped for the unhappy people being brought naked to his dominions and not allow any kind of maintenance on their arrival and died hunger in the streets.” (hlm. 36).

Penghijrahan secara paksa dalam jumlah yang besar dan melalui kekerasan dalam keadaan yang serba kekurangan sudah pasti memakan korban yang besar. Huraian ini adalah gambaran keadaan yang dialami oleh rakyat Johor sahaja, belum lagi huraian melibatkan penduduk dari negeri-negeri lain terutama penduduk Kedah yang turut diperhambakan dengan kejam oleh Raja Siam. Semasa Batu Sawar diserang, sekurang-kurangnya seribu orang penduduk Johor turut dikerah berpindah ke Aceh bersama-sama kerabat diRaja Johor (Pucot Haslinda, 2008).

Ahli sejarah Aceh menjelaskan bahawa penghijrahan itu berlaku dalam keadaan biasa sahaja, malah ketibaan mereka di Aceh seolah-olah diterima dengan baik. Mohammad Djamil Yunus (2009), misalnya, menulis bahawa Mahkota Alam mempunyai sikap terbuka terhadap orang-orang dari Tanah Melayu dan Patani, malah, mereka diberikan kampung-kampung khas sebagai tempat untuk menetap, seperti catatannya, “Pembesar-pembesar (raja) dan orang-orang yang berasal dari Malaya dibawa ke Aceh itu, mereka disantuni, diberi tempat tinggal yang juga diberikan daerah perkampungan yang disukai seperti Kampung Kedah, Kampung Phang (Pahang), Kampung Perak (Pantee Perak), Kampung Patani (Pentanoe) dan Kampung Johor Hooho” (hlm. 228). Walau bagaimanapun, korban dari polisi ‘takluk dan paksa pindah’ tidak dinyatakan oleh ahli sejarah tersebut.

Kesan migrasi penduduk dari negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini masih jelas kelihatan hingga ke hari ini, misalnya sebahagian besar penduduk Pulau Kampai (Aru) dan Tamiang sehingga kini masih bertutur menggunakan Bahasa Melayu dialek Kedah. Di Banda Aceh sendiri terdapat kawasan yang dipanggil Kampung Keudah dan Pasar Keudah. Penduduk Tamiang dan Pulau Kampai juga meneruskan adat istiadat perkahwinan, keraian dan kematian sama seperti adat istiadat Melayu Kedah kerana mereka berada dalam kelompok yang besar menyebabkan penyerapan terhadap budaya tempatan sukar berlaku walau pun mereka telah lama berada di sana.

Tun Seri Lanang akhirnya dilantik oleh Mahkota Alam sebagai pembesar atau raja bagi negeri Samarlanga. Peristiwa perlantikan tersebut dinyatakan dalam bentuk huraian yang amat menarik dalam sarakata berikut,

Pada 17 Rabiulawal tahun aal Jumat badak as salah pada zamaan Paduka Seri Sultan Iskandar Muda Johan berdaulat zill Allah fi'l-aldan tatkala semanyam, atas takhta kerajaan yang di atas kursi daripada emas kertas yang beumbai-rumbai mutiara dikarang sepulu mutu rana dewasa itulah sabda hadrat Syahi Alam kepada orangkaya Tok Bahra kepada penghulu karkum katib (al) Mulk (10) Seri Indera Muda yang dibalai besar serta

surat tanda akan seperti dalam sarakata dibalai besar. Maka datang orangkaya Tok Bahra berkehendak berkehendaklah suruh salin ditaruh kepada hadrat Syahi Alam.

(Ticelman, 1978: 8)

Huraian yang sangat indah ini menyatakan dengan rasmi bagaimana istiadat melantik Tun Seri Lanang sebagai Raja Samarlanga. PerERSHEYURAN tersebut dilakukan dalam istana dengan disaksikan oleh pembesar lain termasuk ulamak ternama Aceh. Dalam sarakata perERSHEYURAN tersebut, acara pertabalan berkenaan dilakukan sebanyak dua kali iaitu di hadapan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dan kali kedua di hadapan Seri Sultan Taj-al Salam Saafiyat-ul-din, iaitu Sultanah Aceh, puteri Mahkota Alam (Pucot Haslinda, 2008). Perlantikan Tun Seri Lanang sebagai Raja Samarlanga dikatakan mempunyai kaitan dengan Puteri Kamaliah atau Putroe Phang (Pahang). Raja Puteri Kamaliah telah mempengaruhi Mahkota Alam supaya Tun Seri Lanang dirajakan di Samarlanga.

Raja Puteri Kamaliah digambarkan sebagai puteri yang sangat jelita sehingga Mahkota Alam sanggup menceraikan permaisurinya dan tempat tersebut digantikan oleh Raja Puteri Kamaliah. Iskandar Muda Mahkota Alam sangat menyayangi Puteri Kamaliah dan sebagai bukti kasih sayang tersebut, baginda telah membina Gunung Mutiara Permata di taman larangan istana supaya Puteri Phang dapat melepaskan rindu-dendamnya terhadap Pahang. Gunung Mutiara Permata masih kukuh sehingga ke hari ini sebagai lambang cinta Mahkota Alam terhadap Raja Puteri Kamaliah.

Peristiwa bagaimana Tun Seri Lanang terpilih sebagai raja juga sangat menarik seperti yang dihuraikan oleh Adli Abdullah (2002) dan Pucot Haslinda (2009), dan lebih menarik apabila di Aceh, peristiwa itu disebut sebagai “peristiwa di laut”. Semasa pembesar Samarlanga hendak memilih raja, penduduk Samarlanga mencalonkan sebelas orang calon tetapi jari mereka tidak sesuai untuk manyarung cincin khas yang ditempa bagi penentuan terhadap perlantikan Raja Samarlanga. Hanya jari kelengkeng Tun Seri Lanang sahaja yang sesuai dengan saiz cincin tersebut, dengan itu Tun Seri Lanang telah dilantik sebagai Raja Samarlanga. Isu dan peristiwa penyarungan cincin ini hanyalah usaha yang dilakukan sebagai peneguhan betapa layaknya Tun Seri Lanang menjadi Raja Samarlanga dan cerita penyarungan cincin ini juga mempunyai persamaan dengan banyak cerita rakyat di Kepulauan Melayu. Dalam perjalanan ke Samarlanga, ke sebelas calon lain telah membuang Tun Seri Lanang ke tengah laut di Laweung, tetapi Tun Seri Lanang telah diselamatkan oleh Maharaja Lela Keuroeun Tjoereh bersama Teuku Nek Meuraksa. Seterusnya Panglima Nyak Dom telah mengadap Mahkota Alam dan mengkhabarkan peristiwa itu. Mahkota Alam telah murka dan memerintahkan supaya ke sebelas pembesar tersebut dipancung. Mulai hari itu, Tun Seri Lanang telah memerintah Samarlanga antara tahun 1615 hingga 1659.

Tun Seri Lanang bukan calang-calang orang, beliau adalah bekas bendahara kerajaan Johor, pentadbir istana dan juga seorang yang alim. Perlantikan Tun Seri Lanang menunjukkan bahawa Mahkota Alam adalah seorang yang berfikiran terbuka dan sanggup menerima ‘orang luar’ sebagai anggota pemerintahnya, sama dengan amalannya yang mengumpulkan ulama dari semua negara Islam seperti Semenanjung Arab untuk memakmurkan Aceh sebagai serambi Mekah. Berdasarkan kajian ini, bukan Tun Seri Lanang sahaja yang dilantik sebagai pembesar, tetapi juga beberapa orang kenamaan dari negeri lain juga pernah dilantik sebagai pembesar Aceh seperti yang dihurai oleh Muhammad Junus Djamil (2009: 228),

Orang-orang sudah sadar dan insaf diberi jabatan di dalam pemerintahan Aceh. Di antaranya yang ada yang dijadikan Menteri Seri Paduka Raja, Orangkaya Besar dari Perak, menjadi Temenggung, Seri Panglima Berkuda dari Perak menjadi Panglima Angkatan berkuda (Seri Raja Panglima Berkuda), dari Melaka menjadi Bentara/Kepala Jawatan (Jawatan Mahaban/Sekaut), Angkatan Kepolisian (Bintara Raja Laila Perkasa) dari Asahan, Bentara Seri Laila Raja dari Perak dan Kenjrue Raja Laila dari Kedah.”

Bukti ini menunjukkan bahawa Mahkota Alam menerima pembesar-pembesar Melayu untuk berkhidmat di Aceh berdasarkan semangat seagama, serumpun bangsa dan sudah tentu yang paling penting ialah mempunyai ketokohan tanpa prasangka dan atau dilitup tebal oleh semangat kedaerahan serta sama etnik yang tidak memberi faedah langsung. Sama seperti yang diamalkan oleh sultan-sultan Melaka, Mahkota Alam turut menerima pendatang asing sekali pun tidak berasal dari rumpun Melayu. Baginda dengan hati terbuka menerima orang Arab, Kling, China, Turki sebagai penduduk tetap Aceh. Setiap bangsa ini tinggal di kawasan penempatan tersendiri, dan berlaku toleransi antara kaum yang sangat hebat melalui perkahwinan campur dengan penduduk Aceh.

PERANAN TUN SERI LANANG DI ACHEH

Tun Seri Lanang bersama dengan orang-orang Johor dan Pahang telah diperintahkan oleh Mahkota Alam supaya membangunkan Samarlanga. Berdasarkan sarakata yang dimahsyurkan oleh Sultanah Safiatuddin pada tahun 1645, wilayah kekuasaan Tun Seri Lanang di Samarlanga di sebelah barat adalah Krueng (sungai) Ulim (wilayah Pidie) sementara di sebelah timur adalah wilayah Krueng Biruen. Jelasnya, Samarlanga mempunyai sempadan sebelah timur melalui Krueng Ulim dan sebelah barat Krueng Jempa.

Tun Seri Lanang dan pengikutnya telah memulakan aktiviti pertanian dengan membuka ladang secara beramai-ramai dan hasilnya dikongsi untuk keperluan bersama. Usaha-usaha mengembangkan pertanian telah diteruskan oleh penduduk yang berasal dari Johor dan Pahang. Mereka juga mula membangunkan usaha membuat kapal dan perahu, turun ke laut bagi aktiviti menangkap ikan dan semua hasil mahsul laut. Tun Seri Lanang juga menggalakkan penduduk Samarlanga meneruskan usaha membina perahu dan kapal untuk keperluan pelayaran dan nelayan ke laut.

Tun Seri Lanang juga memperkemas dan menggalakkan perkembangan pendidikan agama berasaskan sistem sekolah pondok di Samarlanga, terutama di Kota Blang. Beliau turut membina masjid di wilayah Samarlanga. Reka bentuk Masjid Kota Blang ini sama seperti reka bentuk masjid-masjid di Semenanjung Tanah Melayu yang mempunyai satu sahaja kubah besar dengan bahagian atas kubah masjid itu pula berbentuk tirus tiga segi landai. Reka bentuk sebegini tidak sama dengan reka bentuk masjid-masjid Aceh yang biasanya mempunyai lebih dari satu kubah berbentuk bawang potong. Masjid Kota Blang masih kekal dan boleh dilihat hingga kini, terletak tidak jauh dari makam dan istananya.

Dalam menjalankan aktiviti perkembangan agama Islam, Tun Seri Lanang sentiasa berhati-hati supaya tidak melepasi batas yang boleh menimbulkan konflik dengan Sultan Mahkota Alam dan permisurinya Putroe Phang (Puteri Pahang) yang bersemayam di Kotaraja. Hubungan dua hala dengan Sultan Mahkota Alam adalah penting sekali pun Tun Seri Lanang diberikan kuasa autonomi. Selain dari menjadi Uleebalang/ Hububalang atau Raja Samarlanga, Tun Seri Lanang juga turut menjadi penasihat kepada tiga orang Sultan Aceh Darussalam iaitu

Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam sendiri, menantunya yang dilantik menjadi sultan menggantikan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam iaitu putera dari Pahang yang bergelar Sultan Iskandar Thani. Selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani, Tun Seri Lanang berkhidmat pula kepada Sultanah Tajul Alam Safiatudin. Perlantikan beliau sebagai penasihat sultan adalah berdasarkan kebijaksanaannya yang mendapat pengiktirafan dari pihak istana sehingga diberi gelaran Orang Kaya Dato' Bendahara Seri Paduka Tun Sebrang (Pucot Haslinda, 2008).

Keakrapan dengan sultan jelas dapat disaksikan semasa upacara pengkebumian permaisuri kesayangan Sultan Iskandar Muda iaitu Potroe Phang/ Puteri Pahang apabila Tun Seri Lanang telah diberi penghormatan untuk memasukkan jenazah permaisuri ke liang lahad. Peristiwa ini dihuraikan dengan jelas oleh Mohammad Junus Djamil (1968) seperti berikut,

...Di bahagian jenazah (di antara dua cabang tandu) berdiri Seri Sultan Iskandar Muda yang diikuti di belakangnya sebelah kanan oleh Putera Mahkota (Poteu Cut) dan di belakang sebelah kiri menantu beliau, Pengeran Husain Mughayat Shah bin Sultan Ahmad Perak...setelah selesai ucapan berita duka, barisan bergerak menuju ke Masjid Baitulrahman dan setelah selesai upacara shalat jenazah, jenazah kembali ke istana Darud Dunia dan terus menuju ke pemakaman raja-raja. Yang turun ke dalam liang lahad ialah Laksamana Meurah Ganti dan Datuk Bendahara Muhammad Tun Seri Lanang (Bentara Tandil Samalanga). Setelah keranda dituangkan emas urai (pasir tanah) sekitar tubuh jenazah Putroe Phang, keranda ditutup lalu ditimbun dengan tanah sebagaimana biasa dan acara pemakaman selesai.

(hlm. 124-125)

Pada tahun 1644 berlaku konflik agama antara pengikut aliran Wahdatul Wujud dengan Wahdatus Syujud di Aceh yang turut melibatkan ulamak Syeikh Nuruddin Ar-Raniry dan disebabkan konflik ini Syeikh Nuruddin telah kembali ke India setelah menetap di Aceh sejak tahun 1637. Pada ketika tersebut, Tun Seri Lanang menjadi penasihat kepada Sultanah Safiatuddin dan dengan mengambil contoh dari kepulangan al-Raniry ke India, beliau telah menyatakan hasratnya untuk pulang ke Johor pada tahun 1645, tetapi hasrat tersebut tidak kesampaian kerana tidak mendapat perkenan Sultanah Safiatuddin, sebaliknya sarakata permasyurannya sebagai Raja Samarlanga telah diperbaharui oleh baginda Sultanah. Permasyuran itu dihuraikan dalam sarakata seperti berikut; "Maka kemudian daripada itu pada zaman Seri Sultan Taj-al alam Saafiayat-ul-din pada masa itu Datuk Bahra itu Seri Paduka Tuan Sabrang, maka mohon hadrat syihi Alam kehendak bersalin daftar sarakata majlis memberi Samar Langa negerinya serta dengan peringinnya (12), U Barat Krueng, Ulin (13), (U Baroh), U Brueh Labih, U Timu Krueng, Teumpa, U Tunung Habeh, inilah peringatan 12 negeri Samarlanga, enam mukim" (Tichelman, 1978: 8). Huraian yang sangat indah ini menyatakan dengan rasmi bagaimana istiadat melantik Tun Seri Lanang sebagai Raja Samarlanga. Permasyuran tersebut dilakukan dalam istana dengan disaksikan oleh pembesar lain termasuk ulamak ternama Aceh. Tun Seri Lanang meneruskan khidmatnya sebagai penasihat Sultanah Aceh sehinggalah beliau mangkat pada tahun 1656 dan jenazahnya dimakamkan di Kota Blang, Samarlanga tidak jauh dari masjid Kota Blang yang dibinanya. Kawasan permakaman Tun Seri Lanang pada masa itu adalah dikelilingi sekolah pondok yang pesat berkembang. Makam berkenaan masih kekal hingga kini.

TUN SERI LANANG SEBAGAI PUJANGGA

Apabila membicarakan tentang ketokohan Tun Seri Lanang, mahu tidak mahu perbincangan tentang peranannya sebagai pujangga tidak dapat dipisahkan. Tun Seri Lanang adalah seorang pujangga kerana penglibatannya dalam penulisan Sejarah Melayu. Selain dari peranannya sebagai bendahara, Tun Seri Lanang juga adalah penulis tersohor kerana buku *Sejarah Melayu* atau *Sulalat 'us-Salatin* adalah dianggap hasil sastera sejarah dalam Bahasa Melayu kedua tertua selepas *Hikayat Raja-Raja Pasai* (Yusof Hashim, 1992; Norazimah Zakaria, 2015). Setakat ini, terdapat sekurang-kurangnya 29 buah naskhah *Sejarah Melayu* yang ditulis dalam berbagai versi, resensi dan salinan. Dalam bentuk penyelenggaraan, naskhah-naskhah tersebut telah ditulis oleh Abdullah Munshi (1831), Dulaurier (1849-1856), Shellabear (1896), Winstedt (1938), Situmorong & Teeuw (1952), Madjoindo (1959) dan Samad Ahmad (1979). Daripada jumlah 29 naskhah itu, 12 buah tersimpan di negeri Belanda, 11 naskhah di United Kingdom, 5 buah di Indonesia dan sebuah di Leningrad, Rusia. Naskhah selenggaraan tertua yang ditulis ialah *Sejarah Melayu* naskhah Munshi Abdullah iaitu pada tahun 1831, tetapi beliau bukanlah penulisnya yang sebenarnya. *Sejarah Melayu* naskhah Munshi Abdullah ini kemudiannya telah ditulis semula oleh Situmorong & Teeuw pada tahun 1952 dan diterjemah ke dalam Bahasa Inggeris oleh Leyden pada tahun 1821. Ketiga-tiga naskhah ini menamatkan *Sejarah Melayu* sebaik sahaja berlaku pembunuhan Tun Ali Hati. *Teks Sejarah Melayu* adalah rumit apabila dibincangkan dari sudut filologi dan asal-usul karya tersebut (Yusof Hashim, 1992; Yusoff Iskandar & Abdul Rahman Kaeh, 1978; Van der Putten, 2016). Walau bagaimanapun, pada pendapat penulis, inilah antara perkara yang menarik tentang kitab *Sejarah Melayu*, di samping isi yang dipersembahkan sentiasa terbuka untuk ditafsirkan dari pelbagai sudut pandangan.

Siapakah penulis karya agung yang memuatkan hampir semua aspek kebudayaan Melayu pada zaman bermulanya kesultanan Melayu Islam Melaka hingga tahun 1612? Untuk membincangkan perkara ini mungkin elok jika diselidiki asal-usul *Sejarah Melayu* itu sendiri. Shellabear (1967) pada peringkat awal menyebut bahawa, ada seorang besar yang tinggi martabatnya telah berkata kepada fakir (penulis?) tentang sebuah hikayat, "*Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa dari Goa. Barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian dari kita, dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, shahdan adalah beroleh faedah ia daripadanya*" (Shellabear, 1967: 2). Petikan ini tidak menyebut siapakah orang besar yang dimaksudkan tersebut, yang nyata ialah terdapat hikayat didatangkan dari Goa.

Seterusnya, Shellabear (1967) menyebut bahawa, "*Sedang baginda bernegeri di Pasai, dewasa itu datanglah Raja Dewa Sa'id kepada hamba Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Raja Petani, menjunjungkan titah Yang di Pertuan Dihilir, Sultan Abdullah Maayah Shah...bahwa beta minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara, peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, shahdan beroleh faedahlah ia daripadanya*" (hlm. 3). Isi petikan ini mempunyai persamaan dengan petikan terdahulu tetapi menunjukkan bahawa seolah-olah terdapat kitab baru dititahkan oleh Sultan Abdullah supaya ditulis oleh Bendahara. Perkaitan antara gelaran Yang Di Pertuan Di Hilir dengan Raja Abdullah juga adalah agak mengelirukan kerana Raja Abdullah lebih terkenal dengan nama Raja Sebrang. Berdasarkan petikan inilah ahli sejarah Aceh, Muhammad Junus Djamil (2008) berpendapat bahawa kitab *Sejarah Melayu* mula ditulis di Pasai, bukannya di Batu Sawar, dinyatakan seperti berikut,

Permintaan untuk menulis kitab *Sejarah Melayu* itu berlaku pada masa mereka tinggal di Aceh sewaktu bermukim di Pase pada tahun 1021 (1612 M). Pada hari keenam tanggal 12 Rabiul Awal tersebut, datang Raja Dewa Sa'id Seri Narawangsa Tun Bambang, putra Seri Akar Raja Patani, menyampaikan titah (permintaan) kepada Datuk Bendahara Tun Seri Lanang, supaya menuliskan kitab *Sejarah Melayu* yang masih terkenal dijadikan bacaan hingga dewasa ini.

(Mohammad Junus Djamil, 2008: 228)

Petikan yang ditulis oleh ahli sejarah dari Aceh ini tidak sama dengan pendapat Winstedt (1979) dan Buyong Adil (1972). Mereka berpendapat titah paduka baginda Sultan Alauddin Riayat Shah III (1557-1615) dilaksanakan di Pasir Raja pada tahun 1612, Johor bukannya di Pasai. Ini dibuktikan melalui titah sultan yang berbunyi, “*Maka fakir karanglah hikayat ini supaya akan menyukakan hadrat baginda. Maka fakir namai hikayat itu Sulalatu'l Salatin, yakni peraturan raja-raja*” (Shellabear, 1967; 3). Lagi pula, tarikh yang disebut oleh Muhammad Junus Djamil (2008), iaitu tahun 1612 adalah tarikh berlaku pergolakan antara Johor dan Aceh. Pada ketika tersebut, Sultan Alauddin Riayat Shah III dan Tun Seri Lanang berada di Aceh sebagai tawanan perang yang berlaku pada tahun 1613, atau, persoalan ini sememangnya sukar dihuraikan kerana kitab *Sejarah Melayu* kurang mengikuti urutan kronologi yang tepat. Walau bagaimanapun, tetap menjadi persoalan kerana *Sejarah Melayu* yang disambung tulis oleh Tun Seri Lanang tamat pada tahun 1613. Kitab *Sejarah Melayu* naskhah Shellabear (1967) yang berasaskan naskhah Stamford Raffles pula ditamatkan pada masa peneguhan kerajaan Johor di Tanah Puteh (yang kemudiaannya di panggil Batu Sawar) pada masa pemerintahan Raja Mansor atau Sultan Alauddin Riayat Shah III. Dalam naskhah ini juga, peristiwa Batu Sawar dikepong dan ditawan oleh Mahkota Alam tidak dibincangkan. Adakah perkara ini sengaja dilakukan oleh Tun Seri Lanang bagi menjaga martabat orang Melayu dan secara khususnya penduduk dan golongan bangsawan Johor?

Kitab *Sejarah Melayu* yang disambung ceritanya oleh Tun Seri Lanang didatangkan dari Goa. Terdapat sekurang-kurangnya dua tempat yang sebutannya seperti Goa iaitu Goa di India yakni koloni Portugis sebelum merampas Melaka dan kedua ialah Kerajaan Gowa di Sulawesi; sebuah kerajaan yang dikuasai orang Makassar-Bugis. Linehan (1973) yang tertarik dengan isu ini turut mendakwa Goa adalah ‘Gua’ di Pahang, tetapi hingga kini di Pahang tiada tempat bernama ‘Goa’ atau ‘Gua’. Satu-satu tempat bernama ‘gua’ yang hampir dengan Pahang ialah Gua Sai; terletak di tebing Sungai Jelai, utara Kuala Lipis. Winstedt (1979) dan Yusof Hashim (1992) pula menolak kitab *Sejarah Melayu* didatangkan dari Gowa, Makasar dengan alasan penulis Makassar-Bugis sengaja menulisnya begitu bagi mengagung-agungkan wibawa Bugis sama dengan dakwaan mereka bahawa Hang Tuah adalah seorang Bugis (Yusof Hashim, 1992). Tuntutan kitab *Sejarah Melayu* ditulis sepenuhnya oleh Tun Seri Lanang berlaku beberapa tahun kebelakangan ini oleh Pucot Haslinda (2003), seorang penulis yang merupakan generasi ke lapan keturunan Tun Seri Lanang di Aceh.

Kitab *Sejarah Melayu* naskhah asal dipercayai ditulis di Melaka, berkemungkinan pada awal tahun-tahun 1500 oleh pujangga istana Melaka. Ini menjelaskan bahawa kitab tertua ini ditamatkan dengan kejadian pembunuhan Raja Ali Hati dan pada masa yang sama penulis turut mengisahkan dengan jelas bagaimana Portugis menawan Melaka. Yusoff Iskandar & Abdul Rahman Kaeh (1978) berpendapat bahawa intipati asal kitab *Sejarah Melayu* telah ditulis oleh seorang penulis di Melaka yang mungkin hidup pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah

(1488-1535). Beliau mungkin telah melihat sendiri bagaimana Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511. Pendapat ini turut disokong oleh Yusof Hashim (1992) yang menyebut bahawa penulis hikayat ini sudah tentu melihat sendiri peristiwa kejatuhan Melaka ke tangan Portugis kerana sumber bertulis pada masa itu sangat kurang. Kebanyakan peristiwa dalam kitab *Sejarah Melayu* pula bersumberkan percakapan lisan atau pemerhatian sang pujangga sendiri. Siapakah penulis tersebut tidak diketahui kerana kebanyakan pujangga Melayu pada ketika tersebut kebiasaannya menulis untuk raja dan tidak menuliskan nama mereka pada karya atau juga perbuatan ini ada kaitan dengan sifat rendah diri orang Melayu sendiri. Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh (1978) turut merumuskan bahawa penulis tersebut merupakan seorang budayawan yang tahu berbahasa Melayu, Arab, Jawa dan Parsi. Kitab *Sejarah Melayu* naskhah Tun Seri Lanang jelasnya adalah sambungan daripada naskhah asal yang ditulis di Melaka. Alangkah baiknya jika penulis bahagian asas kitab *Sejarah Melayu* menuliskan namanya supaya ia turut diberikan pengiktirafan.

Pada masa yang sama terdapat juga pendapat bahawa *Sejarah Melayu* turut ditulis oleh seorang lagi tokoh dari istana Johor iaitu Raja Bongsu atau Raja Abdullah, adinda kepada Sultan Alauddin Riayat Shah III (Yusof Hashim, 1992; Buyong Adil, 1978; Winstedt, 1979). Winstedt (1979) melaporkan bahawa kitab *Sejarah Melayu* yang dikumpul oleh Raffles serta diterbitkan oleh Dr. Blagden ditulis oleh Raja Bongsu. Raffles menafikan titah Sultan Alauddin Riayat Shah III berlaku di Pasai, sebaliknya berlaku di Pasir Raja yang terletak berhampiran dengan Batu Sawar. Adalah dijangkakan bahawa kedua tokoh ini iaitu Tun Seri Lanang dan Raja Bongsu telah bekerjasama untuk menulis *Sejarah Melayu* seperti naskhah yang disalin oleh Shellabear (1967), malah juga oleh Abdullah Munshi (1831). Selepas itu atau selepas Tun Seri Lanang dan Raja Bongsu meninggal dunia, kitab *Sejarah Melayu* telah disambung tulis oleh penulis lain pula termasuk *Sejarah Melayu* naskhah Palembang (Yusof Hashim, 1992).

Berdasarkan catatan-catatan ini, terdapat bukti yang kuat bahawa Tun Seri Lanang dan Raja Bongsu merupakan penulis yang menyambung karya asal *Sejarah Melayu* atau mungkin juga berperanan sebagai penyunting kepada karya asal. Sungguhpun begitu, sekali pun Tun Seri Lanang hanya menyambung menulis kitab tersebut bersama-sama Raja Bongsu, peranannya adalah besar kerana berjaya menyempurnakan kitab kedua tertua dalam Bahasa Melayu selepas *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Walaupun penyampaiannya bercampur aduk dan terdapat unsur dongeng serta tidak sepadan dengan urutan secara kronologi, karya agung ini tetap menjadi rujukan penting dalam membicarakan kehidupan orang Melayu antara tahun-tahun 1400-1650. *Sejarah Melayu* mungkin satu-satunya karya agung yang menjelaskan perihal cara hidup, budaya dan jatuh bangun orang Melayu sebelum dijajah kuasa Barat (Siti Zainon Ismail, 2004). Dari segi sejarah, alangkah baiknya jika nama Raja Bongsu turut diketengahkan sebagai pujangga, tidak hanya sekadar dikenali sebagai ahli politik Johor yang gigih sahaja.

KESIMPULAN

Tun Seri Lanang adalah seorang tokoh ternama dalam sejarah kebudayaan bangsa Melayu. Beliau berketurunan Melayu-Kling dengan kedua belah pihak keturunan ini mempunyai perkaitan dengan istana Melaka dan Pahili. Sesuai dengan kedudukannya sebagai anak bendahara dan tergolong dalam kerabat bangsawan, beliau terdedah kepada budaya penulisan dan celik huruf sejak awal lagi kerana pada masa itu golongan cendekiawan serta pujangga mempunyai perkaitan rapat dengan istana. Sungguhpun begitu, tidak semua anak-anak bangsawan mempunyai minat dan ketokohan untuk melibatkan diri dalam politik, kebudayaan

dan penulisan. Sekitar tahun-tahun 1600 hingga tahun 1650an Kerajaan Johor di Batu Sawar hanya memperlihatkan dua tokoh penulis dan politik yang ternama sahaja iaitu Tun Seri Lanang dan Raja Bongsu atau disebut dengan nama lain iaitu Raja Abdullah atau Raja Sebrang. Kedua-dua tokoh ini bertanggungjawab meneruskan penulisan *kitab Sejarah Melayu* mulai jatuhnya Kerajaan Islam Melayu Melaka hinggalah ke tahun 1613 apabila Kerajaan Johor di Batu Sawar telah jatuh ke tangan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.

Tun Seri Lanang yang merupakan bendahara kepada Sultan Alauddin Riayat Shah III telah dibawa ke Aceh sehingga beliau meninggal dunia pada 1656. Di Aceh beliau turut memainkan peranan penting sebagai penasihat kepada tiga orang sultan di samping menjadi raja di Samarlanga. Sesungguhnya Tun Seri Lanang adalah ibarat permata yang tetap bersinar ke mana sahaja dicampakkan.

Tun Seri Lanang telah lama meninggal dunia, tetapi hasil karyanya akan terus ditatap dan menjadi rujukan selama-lamanya sebagai rujukan utama dalam memperkatakan budaya dan sejarah orang-orang Melayu di Tanah Melayu serta ruang lingkup budaya Melayu iaitu di sekitar Selat Melaka. Tanpa kitab *Sejarah Melayu* tiada sumber lagi yang boleh dirujuk berkenaan Kesultanan Melayu Islam Melaka yang menjadi asas kerajaan Melayu moden di Tanah Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Samad Ahmad. 2003. *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Abdul Samad Ahmad. 1985. *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adli Abdullah. 2010. Tun Sri Lanang: Permata Melayu di Negeri Aceh. <http://www.acehforum.Or.id/tun-sri-lanang-t1078> html [akses pada 20 Julai 2016].
- Andaya, L.Y. 1975. *The Kingdom of Johor*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Buyong Adil. 1972. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Buyong Adil. 1980. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Linehan, W. 1933. Source Of The Malacca, Johore And Pahang Genealogies In The Bustan-Al-Salatin. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 11(2 (117), 144-144.
- Mohamad Said. 1961. *Atjeh Sepanjang Abad*. Banda Aceh: Diterbitkan pengarang sendiri.
- Mohammad Said. 1985. *Aceh Sepanjang Abad*. Medan: Pt Penerbitan Waspada.
- Muhammad Junus Djamil. 2009. *Gerak Kebangkitan Aceh: Kumpulan karya sejarah*. Bandung: Bina Baladi Press.
- Muhammad Yusof Hashim. 1992. *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazimah Zakaria. 2013. Hikayat Melayu @ Sejarah Melayu “Long Version” Versi Tengku Said: Satu Kajian Teks Sastera Sejarah. *Jurnal Melayu*, 10: 36-48.
- Pucot Haslinda H. Teuku Abdul Hamid Azawar. 2008. *Tun Seri Lanang dan Terungkapnya Akar Sejarah Melayu Setelah Empat Abad*. Jakarta Timur: Pelita Hidup Insani.
- Linehan, W. 1973. *History of Pahang*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of Royal Asiatic Society.
- Shellabear, W.G. 1967. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tun Suzana Tun Othman. 2002. *Institusi Bendahara: Permata Melayu Yang Hilang*. Kuala Lumpur: Pustaka BSM Enterprise.

- Tichelman, G.L. 1978. *Sebuah Sartakata Kerajaan Aceh* (Eon Atjehneene Sarakata). Terj. Aboo Bakar. Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Banda Aceh.
- Winstedt, R.O. 1979. *A History of Johore (1365-1895)*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Johor Sultanate. http://en.wikipedia.org/wiki/Johor_Sultanate [akses pada 20 Julai 2016].
- Safian Hussain, Johan Jaafar, Mohd. Thani Ahmad & Hawa Abdullah. 1992. *History of Modern Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 2004. Warisan Seni Budaya Melayu-Aceh Kaitan Pemerian Teks Sastra dan Realiti Budaya. *Jurnal Melayu*, 1 : 77-100.
- Teuku Syahbudin Razi. 1991. *Salasilah Raja-Raja Islam di Aceh dan Hubungannya dengan Raja-Raja Islam*. Perlak: Komite Nasional Pemuda Indonesia.
- Van der Putten, J. 2016. Menyingkap Tempurung Orang Melayu: *Sejarah Melayu*, Buku Teks dan Abdullah Munsyi. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9 (1): 75-93.
- Yusoff Iskandar & Abdul Rahman Kaeh. 1978. *Sejarah Melayu* (Edisi Shellabear): *Satu Pembicaraan Kritis dari Pelbagai Bidang*. Kuala Lumpur: Heineman Educational Books Ltd.

Biodata Penulis:

Johari Talib

Penulis merupakan pensyarah di Graduate School of Education, Unitar International dalam bidang psikologi, kaunseling dan pendidikan. Beliau pernah mengajar di UKM, UPM dan OUM serta giat menulis tentang keibubapaan, pendidikan Orang Asli, pengajaran-pembelajaran dan isu-isu sosial.

Maharam Mamat

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang sastra alam sekitar. Beliau melakukan penyelidikan tentang kritikan ekologi dan sastra alam sekitar, selain terlibat dalam penulisan kreatif.

Maznah Ibrahim

Penulis merupakan pensyarah kanan di Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang tujahan penyelidikan beliau berkaitan dengan isu pembelajaran dan pengajaran, wanita dan pembangunan.